**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 09 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)


| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Harian Metro** | |
| - MPAJ pecat empat kakitangan rasuah | 44 |
| **Utusan Malaysia** | |
| - IKRAR BEBAS RASUAH | 02 |
| **Chinapress** | |
| - MPAJ menandatangani Deklarasi Anti –Rasuah | C3 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**09 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | MPAJ pecat empat kakitangan rasuah |
| Muka Surat | 44 |

# MPAJ pecat empat kakitangan rasuah

HM 9/11/17 m/s 44.

## Unit integriti turut laksana hukuman tatatertib kepada 15 staf

FOTO: AMIRUDIN SAHIB



WAN Ramli (dua dari kanan) bersama 850 kakitangan MPAJ membaca Ikrar Bebas Rasuah, semalam.

Siti Fatimah Nasir
am@hmetro.com.my

**Ampang**

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), akan mempertingkatkan aspek kawalan dengan melaksanakan kaedah pertukaran kakitangan dan pegawai sebagai langkah menyahut serta merealisasikan objektif Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Yang Dipertuanya, Abdul Hamid Hussain berkata, sebelum IBR dilaksana, MPAJ melaksanakan kawalan berbentuk ikrar integriti korporat, penubuhan unit integriti, kawalan audit dalaman dan audit kawalan perolehan yang dijalankan Audit Negeri Selangor.

"Selepas penubuhan unit integriti pada tahun 2016 dan 2017, empat kakitangan MPAJ diambil tindakan buang kerja, manakala 15 kakitangan dikenakan hukuman tatatertib oleh Jawatankuasa Tatatertib MPAJ.

"Berdasarkan kes terbaru, dua kakitangan MPAJ ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana didapati menyalahgunakan kuasa yang diberi," katanya ketika ditemui pada Majlis Ikrar Bebas Rasuah Peringkat MPAJ di sini, semalam.

Abdul Hamid berkata, dengan tangkapan dan tahanan berkenaan diharap dapat memberi peringatan kepada kakitangan yang melakukan rasuah supaya mengambil iktibar untuk tidak meneruskan perbuatan itu.

"Dalam perkara ini, kita kadangkala tidak dapat menyemak 100 peratus perbuatan yang dilakukan mereka kerana memberi sepenuh kepercayaan kepada kakitangan bawahan untuk memikul tugas serta tanggungjawab diberi.

"Kita akan pastikan kakitangan mengikut peraturan dan prosedur ditetapkan dengan mempergiatkan pemantauan serta kawalan seperti ISO, audit bagi membendung mereka daripada melakukan amalan rasuah serta salah guna kuasa," katanya.

Hadir sama, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah, Timbalan Ketua Unit Pendidikan Masyarakat SPRM, Sumathi Padavadah, Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Hasrolnizam Shaari dan Unit Integriti Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor.

Sementara itu, Wan Ramli berkata, kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa membabitkan PBT di Selangor masih berada dalam keadaan terkawal.

"Setakat ini, enam PBT di Selangor sudah menandatangani IBR bersama SPRM di mana baki lima lagi PBT diharap dapat melakukan ikrar berkenaan sebelum hujung tahun ini.

"Selain itu, organisasi di negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi sudah melafazkan ikrar IBR berbanding negeri lain," katanya.

Mengulas lanjut, SPRM masih belum mendapat kata putus daripada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali untuk menandatangani IBR.

"Kita sudah menerima reaksi positif daripada kerajaan negeri Selangor. Hanya tunggu maklum balas daripada Menteri Besar dalam menandatangani IBR yang dijangka dilakukan selewat-lewatnya hujung tahun ini," katanya.

Pada majlis itu, seramai 850 kakitangan MPAJ diketuai Yang Dipertuanya melafazkan IBR dengan disaksikan Wan Ramli.

**FAKTA**
*Lima lagi PBT di Selangor belum lafaz IBR*

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 09 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | IKRAR BEBAS RASUAH |
| Muka Surat | 02 |



**IKRAR BEBAS RASUAH** UM 9/10/17 m/s 02.

YANG Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Abd. Hamid Hussain (lima dari kiri) menyerahkan memorandum ikrar bebas rasuah kepada Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah ketika Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah Peringkat Majlis Perbandaran Ampang Jaya di Wisma MPAJ, Kuala Lumpur, semalam. – UTUSAN/RIDUAN RIZAL AHMAD

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>09 NOVEMBER 2017 (KHAMIS) | |
|---|---|
| Akhbar | Chinapress |
| Tajuk Berita | MPAJ menandatangani Deklarasi Anti -Rasuah |
| Muka Surat | C3 |



■阿都哈密（左）带领官员们宣读反贪宣言。



■阿都哈密（前排左4）在完成签署反贪宣言后，将宣言移交给旺南利。

## 安邦市會簽反貪宣言

# 貫徹3別遠離貪污

CP 9/11/17 C3.

（安邦8日讯）雪州反贪污委员会总监拿督旺南利以“3个Jangan”，即别贿赂（Jangan Hulu），别搞定（Jangan Gaodim），别贪污（Jangan Rasuah），提醒大家紧记反贪的精神！

安邦再也市议会今日在常月集会上，与雪州反贪污委员会签署反贪宣言（IBR），这也是雪州第6个签署上述宣言的地方政府。

旺南利指出，雪州包括地方政府，一共有87个组织和部门签署反贪宣言，剩余的地方政府会近期内完成签署。

他说，全国12个州政府已签署该宣言，包括槟州和丹州，剩下雪州政府，过去反贪会数与雪州政府协商，惟尚未获得雪州大臣拿督斯里阿兹敏阿里肯首。

“促请市议会公务员们要遵守反贪宣言的原则，在反贪的过程，必须遵守法律、遵从条规和标准作业程序，不可以口头上强调廉政，但行为上去做出违法的行为。”

他今日出席签署反贪宣言活动时说，希望在2020年，我国3个主要领域，即政府、私人公司和政府子公司都能做到零贪污。

“要做到向贪污说不，不受贿、不贿赂，连贪污的念头都没有。”

询及地方政府的贪污舞弊情形时，他以安邦再也市议会为例，850名官员当中，只有2名涉贪，显示各地方政府的贪污情况受到控制。

### 數措施打擊舞弊濫權

安邦再也市议会主席阿都哈密指出，市议会有数道防线打击贪污舞弊和滥权，包括签署廉政宣言、成立廉政小组、内部审计管理和雪州审计司的审计监督。

他说，从2016年至今，共有4名官员被搁职，15名官员被采取内部处分，希望签署反贪宣言，能警惕官员别涉及贪污滥权。

“为了降低贪污舞弊和滥权问题，官员子同一个职位太久，难免产生贪污舞弊的风险，所以会每相隔一段时间，就会为官员进行调职。”

不过，他说，因市议会的技术人员不多，不可能将技术人员调配到行政部门，故此做法不适合用在涉及专业技术的小组。

“地方政府的确存有发生贪污的空间，早前2名官员因此被捕，我希望这事件能成为一个借镜，提醒官员们别重蹈覆辙。”

他说，为了更有效发挥反贪宣言的宗旨，市议会会安排举行反贪活动和项目，提醒市议会官员们紧记反贪的精神。

“我呼吁官员们紧记反贪宣言，执行工作的时候远离贪污舞弊和滥权行为。”